

500,000 pelajar miskin dapat bantuan

UM 23 FEB 2004

POH 22 Feb. — Seramai 500,000 pelajar miskin telah menikmati peruntukan lebih RM700 juta dalam program pelaksanaan sistem pendidikan wajib sekolah rendah sejak tahun lalu di seluruh negara.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Samsuddin berkata, peruntukan itu meliputi bantuan pakaian seragam dan peralatan sekolah, program pemakanan serta pengajian tuisyen.

Beliau berkata, ia juga sejajar dengan kesungguhan kerajaan Barisan Nasional (BN) memberi kemudahan pendidikan dan memperjuangkan kesejahteraan semua kaum di negara ini.

"Bantuan itu meliputi pelbagai kemudahan yang sudah diberikan sejak tahun lalu, selepas

pengumuman bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengenai pendidikan wajib sekolah rendah pada Bajet 2002.

"Dalam peruntukan itu,

sebanyak RM120 juta diberikan bagi bantuan pakaian, RM200 juta bagi yuran tuisyen kanak-kanak miskin yang datang dari keluarga berpendapatan kurang RM530 sebulan manakala baki nya untuk buku teks, makanan dan sebagainya," katanya.

Keciciran

Beliau yang juga Ketua UMNO Bahagian Gopeng menyatakan demikian kepada pemberita selepas menghadiri Seminar Bina Negara anjuran Jentera Penerangan Pilihan raya bahagian itu dekat sini hari ini.

Hadir sama Timbalan Ketua UMNO Gopeng, Abdul Mukti A Rahman Abdul Aziz.

Abdul Aziz memberitahu, masalah kecaciran pelajar di peringkat sekolah

rendah kebanyakannya berlaku di dua negeri iaitu di Sarawak dan juga Kelantan.

Beliau berkata, kebanyakannya kecaciran itu berlaku di pedalaman Sarawak yang berpunca daripada kesukaran perhubungan di kalangan pri-bumi Penan dan Ulu yang lebih selesa dengan cara hidup lama.

"Masalah kecaciran di Kelantan pula disebabkan tidak wujud peluang pekerjaan untuk mendapat pendapatan yang lebih kompetitif di negeri itu," katanya.

Beliau berkata, di bawah peruntukan itu juga kerajaan memperuntukkan bantuan RM2,200 setahun bagi keluarga fakir yang mempunyai anak yang sedang belajar di sekolah rendah.